



MODUL PEMBELAJARAN ABAD KE-21 (PAK-21)

AKTIVITI 1 Sages Share

Tugasan

1. Guru menerangkan kaedah *sages share* kepada murid-murid.
2. Guru mengenal pasti beberapa orang murid yang dapat bertindak sebagai *sages* (murid pintar).
3. Murid-murid yang dikenal pasti ini akan duduk dalam kumpulan tertentu untuk sesi perbincangan berkumpulan.
4. Guru memberikan tajuk perbincangan, iaitu ‘Usaha-usaha yang Perlu Dilakukan oleh Pihak Kerajaan untuk Meningkatkan Mutu Sukan Negara’.
5. Murid-murid berbincang dan membuat sumbang saran. Setiap murid menerangkan usaha yang perlu dilakukan oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan mutu sukan negara. Murid-murid yang berkenaan akan menandatangani idea yang dikemukakan oleh mereka.
6. Murid-murid lain secara bergilir-gilir akan menemu ramah (*share*) rakan yang menurunkan tandatangan (*sages*) untuk mendapatkan kefahaman yang lebih lanjut tentang ideanya. Idea ini kemudian dikongsi bersama-sama rakan yang lain.

Contoh Cadangan Jawapan

Murid 1	menghantar atlet ke luar negara untuk menjalani latihan profesional <ul style="list-style-type: none">• latihan profesional dapat meningkatkan mutu sukan• atlet dilatih oleh pakar sukan tertentu• menimba ilmu, kemahiran, dan pengalaman
Murid 2	membawa masuk jurulatih yang berwibawa dari negara yang berjaya <ul style="list-style-type: none">• jurulatih luar mempunyai teknik dan cara latihan yang berlainan yang dapat diterapkan untuk atlet-atlet negara• mutu sukan badminton, hoki, dan berbasikal terus meningkat dengan khidmat jurulatih luar• jurulatih luar yang berpengalaman akan membawa kejayaan yang cemerlang
Murid 3	menaik taraf kemudahan sukan supaya bertaraf antarabangsa <ul style="list-style-type: none">• reformasi dalam bidang sukan dilaksanakan• gelanggang, padang, dan veledrom dinaik taraf• peralatan canggih dan terkini digunakan
Murid 4	memberikan ganjaran/ insentif kepada atlet yang cemerlang <ul style="list-style-type: none">• pencapaian negara bergantung pada kecemerlangan atlet• atlet disanjung dan diberikan penghargaan• imej negara meningkat di persada dunia
Murid 5	melaksanakan program pemakanan sukan yang lebih efisien <ul style="list-style-type: none">• makanan merupakan faktor kesihatan dan kejayaan atlet• makanan yang berkhasiat dan seimbang amat diperlukan• makanan mengikut jadual yang ditetapkan

AKTIVITI 2 Fikir-Pasang-Kongsi (*Think-Pair-Share*)

Tugasan

1. Guru mengajukan soalan yang berkaitan dengan tajuk latihan kesalahan bahasa dalam ayat.
2. Pada tahap berfikir (*think*) ini, setiap murid berfikir secara individu untuk mendapatkan jawapan.
3. Murid-murid diberikan masa selama tiga hingga lima minit. Murid-murid akan mencatat jawapan yang difikirkan oleh mereka.
4. Pada tahap pasang (*pair*), guru mengarahkan murid-murid duduk secara berpasangan untuk sama-sama membincangkan jawapan yang diperoleh pada tahap pertama.
5. Murid-murid menyatakan jawapan masing-masing dan berbincang untuk mendapatkan jawapan yang dipersetujui bersama-sama.
6. Pada tahap kongsi (*share*) ini, murid-murid akan menyatakan jawapan yang diperoleh di hadapan kelas untuk berkongsi dengan rakan yang lain.
7. Guru membuat rumusan dengan menyatakan jawapan yang betul.

Contoh Cadangan Soalan

Set 1

E-sukan adalah suatu bentuk acara sukan yang amat popular pada era siber ini. Penganjuran pertandingan e-sukan memerlukan infrastruktur yang lengkap untuk memastikan pertandingan yang dianjurkan berjalan dengan lancarnya. Untuk memenangi pertandingan yang disertai, atlit e-sukan perlu menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi. Acara e-sukan yang dipertandingkan pula perlu diperbanyakkan untuk mempopularkan sukan ini. Golongan belia yang meminati e-sukan disarankan supaya menggilap bakat diri agar dapat mengharumkan nama negara di dalam acara sukan ini pada masa yang akan datang.

Dipetik dan diubah suai daripada
'E-Sukan akan Dimajukan seperti Sukan Lain di Sabah'
Utusan Borneo Online, 23 Julai 2020

Set 2

Gout merupakan penyakit radang sendi dari kumpulan artritis. Gout boleh berlaku disebabkan oleh pengumpulan urik asid yang berlebihan di dalam tubuh dan menyebabkan pembentukan kristal keras pada sendi. Penyakit gout lebih berisiko pada kaum lelaki, terutamanya yang berumur 35 tahun ke atas, mempunyai sejarah keluarga yang menghidap obisiti, mengamalkan gaya hidup yang kurang sihat dan stress. Serangan gout boleh berkurang menerusi pengambilan ubat yang doktor sarankan serta mengawal pengambilan makanan yang dapat menyebabkan penyakit gout.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Pemakanan Sihat Pesakit Gout',
Dewan Kosmik, September 2017

AKTIVITI**3****Kerusi Panas (Hot Seat)****Tugasan**

1. Guru mengemukakan soalan yang berkaitan dengan aspek-aspek sastera yang terdapat dalam novel yang dipelajari.
2. Murid-murid diberikan masa untuk membuat rujukan dan persediaan terlebih dahulu.
3. Seorang murid dipilih ke hadapan kelas untuk bertindak sebagai 'watak' dalam aktiviti ini.
4. Murid-murid lain akan mengemukakan soalan yang berkaitan dengan isu yang dibincangkan.
5. Murid yang bertindak sebagai 'watak' akan menjawab soalan yang dikemukakan oleh rakan-rakan berkaitan dengan novel yang telah dipelajari.

Cadangan Bahan Rangsangan

Perwatakan watak utama dalam novel tingkatan 5

Songket Berbenang Emas

- **Watak utama: Dahlia**
 - Bertanggungjawab dan penyayang
 - Cekal dalam menghadapi cabaran hidup
 - Berani

Tirani

- **Watak utama: Waheeda**
 - Cekal menghadapi cabaran hidup
 - Berdikari
 - Berwawasan dan berpandangan jauh

Bimasakti Menari

- **Watak utama: Nurul Hafsa**
 - Menepati janji
 - Bersemangat tinggi
 - Mencintai alam sekitar

Silir Daksina

- **Watak utama: Haiqal Haqimi**
 - Penyayang
 - Menghormati ibu bapanya dan orang lain
 - Tegas dalam membuat keputusan

AKTIVITI**4****Pilih dan Jawab (Pick and Answer)****Tugasan**

1. Guru membahagikan murid-murid kepada lima kumpulan. Guru menomborkan murid dengan nombor 1 hingga nombor 5.
2. Guru menyediakan beberapa sampul yang mengandungi soalan, iaitu kenal pasti pola ayat dasar bagi ayat yang diberikan berserta jawapan kepada setiap kumpulan.
3. Murid bernombor 1 akan memilih satu daripada sampul dan meletakkan kad soalan sahaja di atas meja dan membacakan soalan yang terdapat pada kad tersebut.
4. Murid bernombor 2, 3, 4, dan 5 dikehendaki supaya menjawab soalan yang terdapat dalam kad tersebut dengan menulis jawapan masing-masing.
5. Setelah semua murid selesai menjawab soalan yang diberikan, murid bernombor 1 akan mengeluarkan kad jawapan daripada sampul dan menyemak jawapan rakannya yang lain.
6. Murid bernombor 2 akan mengulang langkah 3 hingga 5. Permainan diteruskan dengan murid yang berbeza sehingga semua soalan selesai dijawab.

Cadangan Bahan Rangsangan**Kad 1**

Guru-guru kaunseling itu mendengar taklimat yang disampaikan oleh pegawai pelajaran.

Jawapan Kad 1

Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK)

Kad 2

Pasukan pengakap itu sedang memasang khemah di tapak perkhemahan.

Jawapan Kad 2

Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK)

Kad 3

Noraini seorang pereka fesyen yang terkenal di bandar itu.

Jawapan Kad 3

Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN)

Kad 4

Adik Fatimah sangat manja dalam keluarga Puan Fazidah.

Jawapan Kad 4

Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA)

Kad 5

Kumpulan pelancong itu dari negara matahari terbit.

Jawapan Kad 5

Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS)

AKTIVITI**5****Satu Tetap Tiga Lilau (*Three Stray One Stay*)****Tugasan**

1. Guru membahagikan murid kepada beberapa kumpulan, iaitu empat orang murid dalam satu kumpulan.
2. Setiap kumpulan diberikan satu isi untuk dibincangkan, iaitu berkaitan dengan tajuk kesan-kesan amalan rasuah.
3. Guru menyenaraikan perkara yang perlu dibincangkan bagi menyeragamkan pemerolehan maklumat, iaitu ayat topik, ayat huraian, ayat contoh, dan ayat penegas.
4. Murid-murid mencatatkan maklumat yang dibincangkan pada kertas mahjung.
5. Setelah selesai aktiviti perbincangan dalam kumpulan, seorang murid akan ditinggalkan dalam kumpulan sebagai penyampai maklumat kepada ahli kumpulan lain manakala tiga orang murid yang lain akan bergerak ke stesen yang lain untuk mendapatkan maklumat dalam masa yang ditetapkan.
6. Murid-murid dikehendaki supaya menyalin maklumat yang diperoleh dalam buku latihan.

Contoh Cadangan Jawapan**Kesan-kesan Amalan Rasuah****Kumpulan 1****Isi:** Melumpuhkan fungsi sesebuah organisasi**Kumpulan 2****Isi:** Menjejaskan imej negara pada mata dunia**Kumpulan 3****Isi:** Berlaku ketidakadilan dalam perkhidmatan**Kumpulan 4****Isi:** Menjejaskan pembangunan infrastruktur atau program**Kumpulan 5****Isi:** Melahirkan individu yang tidak kompeten dalam sesebuah organisasi

AKTIVITI 6 Persembahan (*Presentation*)

Tugasan

1. Murid-murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan ditugaskan untuk membuat persembahan sajak 'Sejada Rindu' secara kreatif.
3. Setiap kumpulan diberikan masa selama 20 minit untuk membuat persediaan.
4. Guru akan membuat penilaian dan memberikan markah terhadap persembahan setiap kumpulan.

Cadangan Bahan Rangsangan

Sejada Rindu

Terkedu aku
di sejada rindu
mengungkap kalimah syahdu
bait bicara tersentuh kalbu
merekah keinsafan di hati yang beku
mengenang dosaku yang terdahulu.

Berbekal pancaindera anugerah Tuhan
kupohon kembali nafas kehidupan
dalam keterhadan dan keterbatasan insan
moga terbuka ruang keampunan
sebelum saat aku dinisankan
di masa yang Kautetapkan.

Air mata menjadi saksi
keikhlasan menjadi bukti
akhirnya
aku sujud menghadap llahi
di keheningan yang sepi
lafaz taubat mengiringi
nafas sebak kian mengikuti.

Hati ini luluh
jiwa yang kaku tersentuh
ayat-ayat cinta disusun kukuh
di sejada rindu yang lusuh
kemaafan yang kupohon sungguh
dari Pencipta dalam gemuruh.

Ungkapan doa pada Yang Esa
izinkan aku menjadi manusia
yang taat sentiasa
pada perintah Maha Kuasa
agar aku tidak lupa
dunia ini hanya bersifat sementara.

Mohd. Haikal Aminuddin
Antologi Sejada Rindu
Kementerian Pendidikan Malaysia